

Khamis, Apr 26 2018

Bursa Malaysia catat untung lebih tinggi

➔ Raih
RM63.8 juta
suku pertama
tahun ini

Oleh Shahrizan Sallian
shahrizan_sallian@nstp.com.my

Bursa Malaysia Bhd (Bursa Malaysia) mencatatkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak RM63.8 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2018, iaitu peningkatan sebanyak 12.6 peratus berbanding RM56.6 juta pada suku sama tahun lalu.

Dalam satu kenyataan semalam, Bursa Malaysia berkata ini, terutama disumbangkan oleh pendapatan operasi yang menokok 7.5 peratus kepada RM144.8 juta berbanding sebelum ini.

Perolehan sesaham bagi tempoh terbabit juga meningkat kepada 7.9 sen daripada 7.0 sen sebelumnya.

"Kami telah memulakan tahun ini dengan lebih kukuh dan mencatat pendapatan operasi suku tertinggi sejak tersenarai pada 2005," kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Tajuddin Atan.

Beliau berkata, inisiatif strategik bursa itu juga mencatat kejayaan seperti dipaparkan oleh pertumbuhan pasaran modal secara berterusan.

Bagi tempoh di bawah kajian itu, pertumbuhan perolehan perdagangan pasaran sekuriti meningkat sebanyak 13.5 peratus kepada RM76.3 juta berbanding RM67.2 juta pada suku sebelumnya.

Ini dipacu oleh purata nilai dagangan harian dalam pasaran yang berkembang sebanyak 14.2 peratus berbanding suku sebelumnya.

Derivatif merosot

Bagaimanapun, perolehan dagangan Pasaran Derivatif merosot seba-



"Kami telah memulakan tahun ini dengan lebih kukuh dan mencatat pendapatan operasi suku tertinggi sejak tersenarai pada 2005"

Tajuddin Atan,
Ketua Pegawai Eksekutif BMD

nyak 10.5 peratus kepada RM19 juta dalam suku pertama berbanding RM21.2 juta sebelumnya berikutan disebabkan oleh jumlah kontrak dagangan derivatif yang lebih rendah.

Tajuddin berkata Bursa Malaysia akan terus mengekalkan momentum positif itu menerusi pelaksanaan inisiatif yang dapat mempertingkatkan serta mengembangkan ekosistem pasaran.

"Langkah diumumkan oleh kerajaan pada awal tahun yang bertujuan meliberalisasikan serta merangsang pasaran modal, adalah peluang untuk terus meneroka bidang tumpuan. Ini turut memberi dorongan bagi mengotakan janji untuk mewujudkan lokasi pasaran mampan serta meningkatkan sentimen dan kedalaman ekosistem berkenaan," katanya.

Bagi kemajuan masa depan, Tajuddin berkata Bursa Malaysia dijangka mencapai aliran pertumbuhan yang lebih positif dengan meneruskan pembangunan pasaran serta usaha pemasaran.

BH 26/4

Fakta
nombor

7.9 SEN

perolehan sesaham
suku pertama 2018

7.0 SEN

perolehan sesaham
sebelum ini